

PEMBELAJARAN KOLABORATIF MELALUI APLIKASI TELEFON PINTAR DALAM PEMBELAJARAN NAHU

Collaborative Learning Through Application of Smartphones in Learning Grammar

Normah Husin, Nor Azhan Norul 'Azmi, & Mariam Mat Daud

normah@kuis.edu.my, norazhan@kuis.edu.my, & mariam.mdaud@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada peranan aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran nahu sebagai satu bentuk pembelajaran kolaboratif. Ia adalah pembelajaran berbentuk kolaboratif dengan berkonsepkan “bimbingan rakan” di antara pelajar dengan pelajar dan pensyarah dengan pelajar. Objektif kajian ini adalah: 1. Mengenalpasti masalah pelajar menggunakan aplikasi *WhatsApp* dalam pembelajaran maya dan 2. Mengenalpasti penggunaan *WhatsApp* dalam meningkatkan motivasi pelajar melalui pembelajaran kolaboratif. Kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan membabitkan 60 orang pelajar daripada Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab. Kajian tindakan ini menggunakan aplikasi *WhatsApp* di mana pensyarah menggunakan kaedah kuantitatif dan berperanan sebagai moderator dalam kumpulan yang dibentuk daripada aplikasi tersebut. Ia dijalankan semasa cuti semester selama satu bulan dengan memberi fokus kepada pelajar bidang bahasa Arab sahaja. Hasil kajian mendapati pelajar lebih gemar dan bermotivasi untuk mempelajari tajuk nahu dengan bantuan aplikasi *WhatsApp* berbanding latihan dalam kuliah rasmi. Implikasi kajian juga menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif menjadi lebih meluas dengan telefon pintar di mana ia tidak berlaku di luar kuliah atau bilik tutorial sebelum ini.

Kata kunci: Aplikasi telefon pintar, Pembelajaran kolaboratif, Bimbingan rakan, Motivasi, Kepelbagaian aplikasi.

ABSTRACT

This study focuses on the role of smart phone applications in collaborative learning for the purpose of learning Arabic grammar. It is a form of collaborative learning based on "peer learning" concept, and between lecturers and students. The objectives of this study are: 1. Identify problems faced by students while using WhatsApp application in virtual learning and 2. Identify the usage of WhatsApp application in enhancing the motivation of students through collaborative learning. The study was conducted at Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), which involved 60 students from the Department of Arabic Language and Linguistics. This action research used quantitative research method where lecturers serve as moderators in the created WhatsApp groups. It is carried out during the semester break for a month focused only on students of Arabic language studies. The study found that, students are preferred and motivated to learn grammar based on titles with the help of the WhatsApp application compared to formal lectures. Implication of the study also showed that collaborative learning is becoming more widespread with the use of smart phone where it does not apply outside of lectures or tutorials before.

Keywords: *smart phone application, collaborative learning, peer learning, motivation, various applications.*

1.0 PENDAHULUAN

Dalam era teknologi dan ICT (*Information, Communication & Technology*) yang pesat membangun, pendidikan juga telah mengalami revolusi di mana semua bidang di bawahnya mengalami pembaharuan teknologi sama ada di peringkat kementerian melalui dasar seterusnya di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pengajian tinggi. Pembaharuan ini termasuklah teknik dan kaedah yang digunakan melalui pembelajaran mobile atau dikenali sebagai *m-learning*. Menurut Norliza (2013) tahap kesediaan pelajar terhadap penggunaan pembelajaran mudah alih, tahap kesesuaian penggunaan pembelajaran mudah alih dan tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran mudah alih adalah berada pada tahap tinggi iaitu masing-masing dengan skor min 3.92, 3.98 dan 3.83. Mengikut pendapat Ahmad Taufiq Ma'mun (2015), aplikasi *WhatsApp* bukan sahaja untuk komunikasi tetapi juga boleh digunakan untuk tujuan perniagaan. Jadi penggunaannya bukan terhadap komunikasi dan perniagaan malah boleh diadaptasi ke dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya *attachment* untuk dikongsi dalam aplikasi *WhatsApp* seperti kontak, gambar, lokasi, video dan audio maka tugas pengajaran dan pembelajaran PdP menjadi lebih mudah.

Bahasa Arab diangkat sebagai bahasa komunikasi dunia setanding dengan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain. Manakala penulisan bahasa Arab menjadi antara wadah terpenting selain kemahiran membaca, mendengar dan bertutur. Peranan aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran nahu sebagai satu bentuk pembelajaran kolaboratif yang diketengahkan dalam kajian ini berkonsepkan “bimbingan rakan” di antara pelajar dengan pelajar dan pensyarah dengan pelajar yang mampu meningkatkan penguasaan pelajar dan memperbaiki mutu kemahiran menulis pelajar.

Perkataan “kolaborasi” dan “kolaboratif” berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu *collaboration* dan *collaborative*. Berdasarkan kamus bahasa Inggeris, *collaboration* bermaksud “kerjasama”, manakala *collaborative* bermaksud sesuatu yang bersifat kerjasama. Kedua-dua sebenarnya membawa maksud yang sama, iaitu kerjasama tanpa menyatakan kerjasama ke arah kebaikan atau sebaliknya. Perbezaan sebenar antara kedua-dua perkataan tersebut hanyalah dari segi golongan kata. Kolaborasi atau *collaboration* berada dalam golongan kata nama (KN), manakala kolaboratif atau *collaborative* berada dalam golongan kata adjektif (KA).

Kajian ini memfokuskan kepada peranan aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran nahu sebagai satu bentuk pembelajaran kolaboratif. Ia adalah pembelajaran berbentuk kolaboratif dengan berkonsepkan “bimbingan rakan” di antara pelajar dengan pelajar dan pensyarah dengan pelajar. Kajian yang dijalankan dalam tempoh sebulan ini memfokuskan empat tajuk iaitu *Idhafah*, *Sifat Mausuf*, *Tarkib*

Wazifiy dan *Hamazaat*. Keempat-empat tajuk ini merupakan tajuk mudah yang memerlukan pelajar untuk mengulangkaji semula tajuk ini dengan cepat dan mudah. Ini kerana, kajian ini memfokuskan kepada pembelajaran kolaboratif yang wujud dalam aplikasi *WhatsApp* secara maya.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kepesatan teknologi komunikasi telah membawa kepada kepesatan dalam penggunaan telefon pintar dengan aplikasinya yang tersendiri. Ia juga dikenali sebagai pembelajaran mobile atau pun *M-Learning* (Saedah Siraj, 2003). Sebagai pensyarah dalam bidang bahasa, pengkaji cuba untuk meneroka faedah yang mampu diperolehi daripada aplikasi telefon pintar yang semakin popular pada masa kini. Walaupun aplikasi *WhatsApp* dianggap sangat biasa dalam penggunaannya, akan tetapi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ia masih boleh dipraktikkan sebagai pelaksanaan dalam pembelajaran kolaboratif. Kajian oleh Kessler (2012), mendapati terdapat kelemahan dalam pembelajaran kolaboratif apabila melibatkan pelajar lebih daripada dua orang. Kessler juga menganggap bahawa konsep bilik kuliah harus diterjemahkan kepada persekitaran yang baharu kerana bidang pendidikan telah berubah seiring dengan perubahan teknologi semasa. Justeru, kajian ini cuba untuk a) menyediakan satu platform kepada pelajar dalam pembelajaran kolaboratif di luar kuliah rasmi, b) memperluaskan penggunaan aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Antara permasalahan yang dikenalpasti berlaku dalam bidang bahasa Arab dan teretusnya kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Masalah kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran tradisional yang mengundang kepada kebosanan pelajar mengikuti kuliah.
- b. Masalah kelemahan tadbir urus E-Pembelajaran dan penggunaan alat bantu mengajar yang terkini.
- c. Kurangnya panduan penggunaan E-Pembelajaran adalah merupakan salah satu masalah yang di hadapi dalam bidang pendidikan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a. Menenalpasti masalah pelajar dalam penggunaan aplikasi *WhatsApp* melalui pembelajaran maya.
- b. Menenalpasti penggunaan *WhatsApp* dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran kolaboratif.

- c. Menentukan kepelbagaian aplikasi lain dalam telefon pintar yang boleh digunakan untuk pembelajaran nahu.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan membabitkan 60 orang pelajar daripada Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Kajian tindakan ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan aplikasi *WhatsApp* di mana pensyarah adalah moderator dalam kumpulan yang dibentuk daripada aplikasi tersebut. Sebanyak empat kumpulan dalam *WhatsApp Group* dipilih daripada semester dua hingga lima terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua dan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan). Ia dijalankan semasa cuti semester selama satu bulan bermula pada 4 April 2016 (Isnin) sehingga 29 April 2016 (Jumaat) dengan memberi fokus kepada pelajar bidang bahasa Arab sahaja melalui metode soal jawab menggunakan kaedah *WhatsApp*. Pelajar akan diberikan satu latihan setiap hari selama lima hari sahaja dalam seminggu, manakala dua hari lagi diperuntukkan untuk pelajar berehat. Sesi taklimat pra-kajian dilaksanakan supaya pelajar mematuhi masa menjawab dan tidak berbincang jawapan sebelum sesi tersebut dimulakan. Moderator akan memberi latihan tersebut mulai jam 8.00 pagi dan masa untuk menjawab adalah sehingga 1.00 petang. Selepas itu, sesi perbincangan terus diadakan sehinggalah jam 5.00 petang.

Tajuk nahu yang dikemukakan dalam kajian ini adalah *Idafah, Sifat, Tarkib Wazifiy* dan *Kitabah Al-Hamazaat*. Tajuk *Idafah, Sifat, Tarkib Wazifiy* dikemukakan melalui terjemahan teks supaya pengkaji mendapat hasil dapatan daripada ayat yang berfokus kepada tajuk tersebut sahaja. Manakala bagi *Kitabah Al-Hamazaat* ia disalurkan melalui audio yang dirakam oleh moderator sendiri. Pengkaji menggunakan kedua-dua pilihan dalam aplikasi *WhatsApp* ini berdasarkan kepada kebolehpayaan audio untuk menguji imlak dan teks untuk menguji pembinaan ayat berdasarkan tajuk nahu. Penggunaan seperti gambar, video, kontak, lokasi, dokumen, kamera dan galeri tidak digunakan kerana pengkaji akan mendapat hasil ayat yang bebas dan tidak memberi fokus kepada perkataan yang dikehendaki. Penyertaan pelajar bagi pembelajaran kolaboratif dikira berdasarkan entri pelajar bagi setiap tajuk dalam seminggu dan juga perbincangan yang dibuat. Dapatan kajian diperolehi oleh pengkaji dengan menganalisa keputusan dari jawapan pelajar untuk setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan keempat-empat tajuk yang diberikan dalam masa sebulan. Markah diberikan untuk satu skor jawapan yang tepat.

5.0 KAJIAN LITERATUR

Satu kajian oleh Law, Lee & Chow (2002), berkaitan dengan ciri-ciri amalan pembelajaran yang berkesan pada abad ke-21 menekankan ciri-ciri amalan pedagogi inovatif guru yang membawa kepada pembaharuan terhadap pembelajaran telah dijalankan. Dapatan kajian mereka membuktikan pelajar bersikap lebih positif iaitu mereka lebih berupaya mempelajari kemahiran literasi maklumat dengan menggunakan internet, berupaya untuk berfikir secara kritis, berupaya belajar dari pelbagai sumber serta berupaya belajar dari komuniti mereka dengan saling menghormati idea di antara satu sama lain. Jika ditinjau berkaitan dengan konsep pedagogi didapati bahawa konsep pedagogi dari semasa ke semasa semakin kompleks. Dari perspektif pedagogi, *M-Learning* merupakan dimensi baru yang menyokong proses pembelajaran (Harvey, 2003).

Di samping itu *M-Learning* juga menawarkan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian untuk membantu aktiviti pembelajaran di dalam dan di luar kelas (Fleischman, 2001). Sistem pengajaran dan pembelajaran bercorak konvensional bukanlah merupakan kaedah paling baik di zaman moden ini memandangkan ia boleh diubahsuai kepada bentuk yang lebih canggih dan relevan dengan situasi pendidikan semasa (Jonassen, 2000). Oleh yang demikian, terdapat beberapa kelemahan pembelajaran yang dijalankan secara konvensional. Antara kelemahan yang dapat dikenalpasti adalah seperti interaksi yang lemah, pembelajaran dilakukan dalam mod yang sehalu, kekurangan sumber pembelajaran dan kurang maklum balas daripada pelajar-pelajar lemah (Narayanansamy & Ismail, 2011).

Selain itu apabila pensyarah menyampaikan kuliah dengan menulis di papan hitam, pelajar pula hanya mengambil nota. Perkara seperti ini menyebabkan pelajar kurang berfikir dan bertindak malah hanya menyalin nota daripada pensyarah. Oleh yang demikian, kaedah berfikir secara kreatif dan kritis tidak dapat dicapai. Menurut Devinder & Abdullah (2006), interaksi pelajar dan pensyarah menjadi kurang semasa di dalam bilik kuliah. Hal ini disebabkan oleh kerana interaksi pelajar bersama pensyarah terhad di dalam bilik kuliah yang besar. Kelazimannya di dalam bilik kuliah yang besar sesi pembelajaran berlaku di dalam keadaan mod tidak seragam iaitu pelajar yang aktif menyampaikan maklumat dan pelajar yang pasif hanya memerhati. Kadang kala pembelajaran juga berlaku secara individu (Devinder & Abdullah, 2006). Di samping itu pembelajaran konvensional juga menyebabkan berlaku kekurangan sumber rujukan di dalam bilik kuliah. Hal ini kerana pelajar hanya mengharapkan nota yang telah disediakan oleh pensyarah.

Akses kepada maklumat terkini tidak dapat dijalankan untuk membantu pelajar bagi memahami sesuatu subjek dengan lebih jelas. Perkara ini mengakibatkan pelajar yang lemah tidak bergerak seiring dengan penyampaian oleh pensyarah dan seterusnya kurang maklum balas daripada pelajar kepada pensyarah di dalam penyampaian kuliah. Selain itu pengetahuan dan pemahaman tentang pedagogi kian berkembang dan bersepadu (Baharun, 2002). Sebelum ini, kajian awal mengenai pengajaran tertumpu kepada pengurusan dan organisasi bilik darjah sahaja tetapi pada masa kini, kesesuaian *M-Learning* dalam proses pembelajaran juga perlu diberi perhatian. Menurut Atan (1980), konsep pembelajaran merupakan hasil tingkah laku atau pengalaman seseorang rentetan daripada aktiviti pengolahan pemikiran ke atas ransangan-ransangan yang diterima. Rangsangan-rangsangan ini terdiri daripada bunyi, 15 warna, gambar, bentuk rasa dan juga gabungan pelbagai unsur tersebut.

6.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

6.1 Hasil Kajian Berdasarkan Minggu dan Tajuk

Pada minggu pertama, pelajar diberikan latihan untuk membina ayat yang mengandungi *Idhafah*. Hasil daripada 283 penyertaan daripada pelajar dengan memperoleh jawapan betul sebanyak 96 dan jawapan salah sebanyak 187. Jadual 1 ialah contoh latihan dan ayat yang dikemukakan oleh moderator.

Jadual 1: Contoh Latihan dan Ayat oleh Moderator kepada Pelajar.

NO	AYAT MELAYU	AYAT ARAB
	Idhafah	إضافة
1	Telah datang dua orang guru Bahasa Arab.	جاء معلما اللغة العربية
2	Pemandu pelancong itu seperti duta kecil kepada negara.	كأن دليل السياح سفير صغير للبلاد
3	Rasulullah SAW idola kita dalam kehidupan.	رسول الله صلى الله عليه وسلم قدوتنا في الحياة
4	Fatimah sedang bermain bola jarring dengan kawan-kawan perempuannya.	فاطمة تلعب كرة السلة مع صديقاتها
5	Kemahiran bertutur adalah kemahiran terpenting dalam Bahasa Arab.	مهارة الكلام من أهم مهارة اللغة العربية

6	Ini urusan saya dan kamu.	هذا الأمر بيني وبينك
7	Wahai ibu doakan saya!	يا أمي أدعيني!
8	Saya telah melihat 5 orang jururawat perempuan.	رأيت خمس ممرضات
9	Hari Jumaat adalah penghulu segala hari.	يوم الجمعة هو سيد الأيام
10	Hobi saya memancing ikan pada masa lapang.	هوايتي صيد السمك في وقت الفراغ

Hasil dapatan menunjukkan pelajar masih lagi tidak dapat menggunakan *Idhafah* dengan betul, sebagai contoh penggunaan *alif lam* masih lagi ada pada *mudhof*, sesetengah daripada mereka masih lagi keliru antara *Idhofah* dan *Sifat Mausuf*. Masih ada lagi responden yang menghimpunkan *alif lam* dan *dhamir* dalam perkataan contohnya (الشؤوني). Antara kesalahan yang paling ketara adalah apabila perkataan *muthanna* disandarkan kepada *mudhof ilaih*, rata-rata responden masih mengekalkan huruf *nun* contohnya (جاء المعلمان اللغة العربية).

Jadual 2: Penyertaan Pelajar dalam Minggu Pertama (Tajuk: Idafah)

Kumpulan	Penyertaan	Jawapan		Kesalahan	Perbincangan
	Jumlah	Jawapan betul	Jawapan salah		
1	34	3	31	١- جاء المعلمان اللغة العربية	i- Pelajar bertanya apakah sebab dibuang ‘nun’ dan ‘alif lam’
2	119	51	68		
3	22	6	16		
4	108	36	72	٢- المرشد السياحيون ٣- المهارة الكلام ٤- رأيت خمسة الممرضات	- jawapan yang diberikan adalah kerana معلما ‘mudhof’ dan dibuang ‘nun’ kerana ‘musanna’.

				٥- الوقت الفراغ ٦- الصيد السمك ٧- الدليل السياح ٨- المدرسان العربية ٩- هذا الشؤوي ١٠- الرئيس اليوم	ii- Pelajar bertanya apakah sebab dibuang الشؤوي 'alif lam' - jawapan yang diberikan adalah kerana الشؤوي 'mudhof'
	283	96	187		

Pada minggu kedua, pelajar diberikan latihan untuk membuat ayat dengan menggunakan kata *Sifat* dan *Mausuf*. Kajian mendapati terdapat sebanyak 245 penyertaan daripada pelajar dengan memperoleh jawapan betul sebanyak 135 dan jawapan salah sebanyak 118. Jadual 3 ialah contoh latihan dan ayat yang dikemukakan oleh moderator.

Jadual 3: Latihan dan Ayat oleh Moderator.

NO	AYAT MELAYU	AYAT ARAB
	Sifat mausuf	صفة وموصوف
1	Ahmad mempunyai rumah yang besar.	لأحمد البيت الكبير.
2	Kereta-kereta yang cantik itu berada di tempat letak kereta.	السيارات الجميلة في موقفها.
3	Ramai pensyarah yang bijak pandai di universiti kami.	كثير من المحاضرين الأذكياء في جامعتنا.
4	Fatimah makan dua biji epal kecil.	فاطمة تأكل تفاحتين صغيرتين.
5	Pelajar-pelajar yang rajin tu Berjaya.	الطلاب المجتهدون ناجحون.
6	Dua orang askar yang berani tu telah berjumpa ketua mereka.	العسكريان الشجاعان يقابلان رئيسهما.

7	Ayah membeli sebuah apartment mewah untuk kakak.	اشترى الأب شقة راقية للأخت.
8	Dua pokok yang lama tu berada di hadapan universiti.	الشجرتان القديمتان أمام الجامعة.
9	Hotel tu mempunyai tingkap yang banyak.	الفندق له نوافذ كثيرة.
10	Saya jumpa wanita-wanita muslim yang solehah.	لقيت المسلمات الصالحات.

Hasil dapatan menunjukkan pelajar masih lagi tidak dapat menggunakan *Sifat* dengan betul seperti kesalahan pada bilangan *Mausuf* iaitu *jama' muannath Salim* dan sifat iaitu *mufrad muannath*. Antara lain ialah kekeliruan pelajar terhadap tajuk *Sifat* dengan *Idafah* di mana responden menambah *Lam Ta'rif* pada kata sifat. Masih ada responden yang membuat kesalahan pada hukum *muzakkar* dan *muannath* pada kata *sifat*. Dan selebihnya terdapat kesalahan dalam penggunaan *jama'* yang tidak digunapakai seperti (نافذات), kesalahan *imlak* (طلبات) dan *masdar* (جد). Jadual 4 menunjukkan ada perbincangan selepas sesi latihan tamat dengan soal jawab terhadap *jar* dan *zarf* serta perbezaan makna bagi beberapa perkataan seperti (جميلة / جميلات), (قديمة / كبيرة) dan (التقى / لقي). Ini juga disusuli dengan respon dari moderator mengenai gabungan sifat *mufrad muannath* dengan *jama' ghair aqil* serta pembinaan ayat dengan menggunakan *khavar muqaddam* melalui *harf jar*.

Jadual 4: Penyertaan pelajar dalam minggu kedua (Tajuk: Sifat).

Kumpulan	Penyertaan	Jawapan		Kesalahan	Perbincangan
	Jumlah	Jawapan betul	Jawapan salah		
1	39	16	23	١- السيارات جميلة	i- Pelajar bertanya mengenai fungsi <i>zarf</i> dan <i>harf jar</i>
2	107	69	38		
3	19	12	15		
4	80	38	42	٢- بيت الكبير ٣- السيارات	ii- Perbezaan makna <i>qaabala</i> dan <i>laqiya</i>

				الجماليات	iii- Beza (جميلة /)
				٤- ذكي المحاضر	(جماليات)
				٥- المحاضرين	iv- Beza (قديمة /)
				ذكي	(كبيرة)
				٦- الشجرتان	v- Beza (التقى /)
				قدم	(لقي)
				٧- نافذات كثيرة	vi- Ayat mula
				٨- إمرأت	dengan harf jar
				صالحات	vii- Kesalahan pada
				٩- النساء	ejaan طلبات
				صالحات	viii- Jamak muannath
				١٠- التفاح	ghair aqil
				الضغيرة	
				١١- التفاح	
				اضغيرا	
				١٢- الطلا	
				بات الناشطون	
				١٣- النساء	
				الصالحة	

				١٤-الطلاب جد	
	245	135	118		

Manakala pada minggu ketiga, pelajar diberikan latihan untuk membina ayat yang mengandungi *Tarkib Wazifiy*. Hasil daripada 191 penyertaan daripada pelajar dengan memperoleh jawapan betul sebanyak 46 dan jawapan salah sebanyak 145. Jadual 5 ialah contoh latihan dan ayat yang dikemukakan oleh moderator.

Jadual 5: Latihan dan Ayat oleh Moderator.

NO	AYAT MELAYU	AYAT ARAB
	Tarkib Wazifiy	تركيب وظيفي
1	Muhammad bersifat dengan sifat-sifat yang terpuji.	محمد يتصف بصفات كريمة
2	Temuduga itu memerlukan sijil-sijil yang diiktiraf.	المقابلة تحتاج إلى الشهادات المعترفة
3	Laila mendapat keputusan yang cemerlang.	حصلت ليلي على النتيجة الممتازة
4	Guru-guru perempuan sedang berbincng tentang minit mesyuarat.	المعلمات يناقشن عن محضر الاجتماع
5	Ali telah menyertai pertandingan membaca al-Quran.	شارك علي في مسابقة تلاوة القرآن
6	Fitnah membawa kepada kerosakan.	الفتنة تؤدي إلى الفساد
7	Umat Islam berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah.	يعتمد المسلمون على القرآن والسنة
8	Ibu mengambil berat akan tentang anak-anaknya.	الأم تهتم بأبنائها
9	Rukun-rukun Islam terdiri daripada 5 perkara.	تحتوي أركان الإسلام على خمسة
10	Jangan kamu bangga dengan harta kekayaan.	لا تفتخر بأموالك

Hasil dapatan menunjukkan responden masih lagi keliru penggunaan *Tarkib Wazifiy*, pertanyaan yang sering diajukan adalah justifikasi meletakkan huruf *jar* selepas *feel*, jawapan yang diberikan oleh

moderator adalah kerana *Tarkib Wazifiy* ini melibatkan *feel lazim* sahaja. Contoh kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah penggunaan (تحتاج) yang mana perkataan ini adalah *feel lazim* dan huruf *jar* yang bersesuaian dengannya adalah *ila*. Begitu juga dengan perkataan (حصل) yang mana huruf *jar* yang bersesuaian dengannya adalah *'ala*.

Jadual 6: Penyertaan pelajar dalam minggu ketiga (Tajuk: Tarkib Wazifiy)

Kumpulan	Penyertaan	Jawapan		Kesalahan	Perbincangan
	Jumlah	Jawapan betul	Jawapan salah		
1	23	3	20	١- للمقابلة تحتاج الشهادة	i- Pelajar bertanya sebab penggunaan sifat mufrad sedangkan الشهادات
2	115	35	80		
3	3	0	3		
4	50	8	42	٢- عند محمد صفات الكريمة ٣- حصلت ليلى نتيجة ممتازة ٤- اشترك علي المسابقة ٥- الفتنة تأخذ الضرر ٦- المعلمات تناقش الاجتماع ٧- يعتمد بالقرآن ٨- تهتم الأم على الولد	Jama' muannas salim - jawapan yang diberikan adalah kerana الشهادات Jama' yang tidak berakal. ii- Pelajar bertanya sebab penggunaan تهتم - jawapan yang diberikan adalah تهتم — iii- Pelajar bertanya sebab penggunaan تناقش adakah memerlukan مفعول به

				٩ - ضمت ركن الإسلام خمسة ١٠ - لا تفخر على الأموال.	- jawapan yang diberikan adalah feel lazim dan tidak memerlukan مفعول به
	191	46	145		

Pada minggu keempat pula, pelajar diberikan latihan untuk membuat ayat dengan menggunakan *hamzaat*. Kajian mendapati terdapat sebanyak 217 penyertaan daripada pelajar dengan memperoleh jawapan betul sebanyak 185 dan jawapan salah sebanyak 31. Jadual 7 ialah contoh latihan dan ayat yang dikemukakan oleh moderator.

Jadual 7: Latihan dan ayat oleh Moderator.

NO	AYAT MELAYU	AYAT ARAB
	Hamzaat	همزات
1	Ali bersama kawan-kawannya.	علي مع أصدقائهم.
2	Kebersihan tanggungjawab muslim.	النظافة مسؤولية المسلم.
3	Saya nampak kapak besar di kebun.	رأيت فأسا كبيرا في البستان.
4	Kumpulan kecil itu mengalahkan kumpulan besar.	الفئة القليلة غلبت على الفئة الكثيرة.
5	Sekolah itu ditubuhkan pada pada tahun 1945.	نشئت المدرسة منذ سنة ١٩٤٥.
6	Anak yang soleh ibarat permata ibu bapa.	الولد الصالح لؤلؤ والديه.
7	Kata jamak bagi perkataan "ka'sun" adalah "kuuus".	جمع كلمة "كأس" هو "كؤوس".
8	Penggunaan telefon dalam kelas tidak dibenarkan.	استعمال الهاتف في المحاضرة ممنوع.
9	Saya bermain bola sepak di padang.	أنا ألعب كرة القدم في الملعب.

10	Menghormati tetamu amalan yang baik.	إكرام الضيف حسن.
----	--------------------------------------	------------------

Hasil dapatan menunjukkan pelajar tiada banyak masalah untuk membina ayat menggunakan *hamzaat* yang diberikan. Hanya beberapa kesalahan yang ditemui seperti tidak menulis perkataan dengan *hamzah wasl* pada perkataan (انا) dan (إكرام) yang sepatutnya ditulis dengan (أنا) dan (إكرام).

Selain itu juga pelajar kurang peka dengan penulisan *hamzah 'ala al-nabrah* seperti pada perkataan (نشأت) iaitu perkataan ini menjadi *bina' al-majhul* yang sepatutnya ditulis (نشئت). Namun tiada perbincangan dibuat oleh pelajar tentang penggunaan *hamzaat* tetapi lebih berfokus kepada tajuk *idafah* dalam ayat yang diberikan.

Jadual 8: Penyertaan pelajar dalam minggu keempat (Tajuk: Hamzaat).

Kumpulan	Penyertaan	Jawapan		Kesalahan	Perbincangan
	Jumlah	Jawapan betul	Jawapan salah		
1	27	18	9	۱- انا ۲- اكرام ۳- نشأت	i- Perbincangan pada aspek lain dalam ayat iaitu idafah. ii- Pelajar terbiasa menulis perkataan tanpa meletakkan hamzah.
2	101	85	16		
3	1	1	0		
4	88	82	6		
	217	186	31		

Penyertaan responden untuk minggu yang pertama dengan mengemukakan tajuk *Idhafah* adalah sebanyak 283. Walaubagaimanapun berlaku penurunan penyertaan responden pada minggu kedua di bawah tajuk *Sifat & Mausuf* sebanyak 245. Pada minggu ketiga dengan mengemukakan tajuk *Tarkib Wazifiy*, penyertaan menurun kepada 191. Peningkatan penyertaan responden sebanyak 217 pada minggu yang keempat di bawah tajuk *Hamzaat*.

Pengkaji telah menemui hasil dapatan di mana pembelajaran kolaboratif wujud dalam aplikasi *WhatsApp Group* yang ditubuhkan. Akan tetapi, proses ini berakhir dengan kemerosotan oleh beberapa faktor luaran antaranya seperti sikap dan motivasi pelajar, masalah data internet, meniru

jawapan rakan, dan komitmen terhadap tugas lain semasa cuti. Majoriti pelajar bersetuju bahawa *WhatsApp* adalah mesra pengguna dan aplikasi paling mudah untuk melakukan perbincangan di luar kuliah. Jadual 9 adalah butiran terperinci respon yang diberikan oleh pelajar terhadap soal selidik yang dikemukakan di akhir kajian ini mengenai masalah penggunaan *WhatsApp* dalam sesi ulangkaji dan capaiannya.

Jadual 9: Masalah yang dihadapi oleh Pelajar Menggunakan *Whatsapp*.

MASALAH	JAWAPAN RESPONDEN
Masalah yang dihadapi ketika sesi ulangkaji guna <i>WhatsApp</i> .	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penggunaan internet yang terhad, tiada langganan data atau berada di luar kawasan menyebabkan sukar untuk memberi sebarang respon dan komunikasi. 2. Jarang menggunakan <i>whatsapp</i> pada waktu petang. 3. Tidak selalu online semasa sesi ulangkaji (tiada masa yang khusus) 4. Masalah <i>notify</i> mesej dari group lain mengganggu <i>convension</i> group ni. 5. Pelajar tidak semua ada kemudahan internet yang menyebabkan ketinggalan maklumat. 6. Masa terhad 7. Mudah <i>copy & paste</i>. 8. Tidak dapat mengenal pasti pelajar ini betul-betul ikut serta dalam perbincangan atau tidak. 9. Tidak semua beri komitmen. 10. Masalah internet. 11. Tidak dapat membezakan jawapan <i>copy paste</i> dan yang betul-betul menjawab. 12. Lambat respon dari pelajar - ada yang tidak pernah langsung menyertai. 13. Tidak ada masa terluang untuk melihat soalan yang diajukan di <i>Whatsapp</i>, kadang-kadang terlepas masa dari tempoh menjawab soalan tersebut.

-
14. Jawapan bukan daripada sumber sendiri dan boleh meniru
 15. Tidak dapat nak beri perhatian penuh
 16. Kekadang sibuk.
 17. Kekadang hanya melihat tanpa menjawab.
 18. Masalah internet, terlepas masa untuk menjawab soalan yang diajukan.

<i>WhatsApp</i> mesra pengguna dan aplikasi paling mudah untuk bincang tajuk.	Ya (Bilangan responden)	Tidak (Bilangan responden)
	41	5

Antara lain, kajian ini menemui beberapa faedah sampingan lain daripada aplikasi *WhatsApp Group* yang ditubuhkan. Pelajar dapat berinteraksi dengan pensyarah dan boleh bertanya tentang tajuk-tajuk kecil yang tidak difahami semasa perbincangan dilakukan. Selain itu juga, pembelajaran secara mobile ini dapat memantapkan lagi ilmu nahu sekaligus membetulkan konsep fahaman yang salah sebelum ini. Pelajar juga berlatih dalam menterjemah ayat pendek dengan bantuan pensyarah semasa latihan ini diadakan. Jadual 10 ialah butiran jawapan responden lain seperti berikut:

Jadual 10: Motivasi Pelajar Terhadap Penggunaan *Whatsapp*.

FAEDAH /MOTIVASI	JAWAPAN RESPONDEN
Faedah yang saya dapat daripada ulangkaji ini.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dapat mempelajari sesuatu yang baru, tetapi perlu rujukan dari pelbagai sumber. 2. Dapat belajar dan berinteraksi dengan pakar-pakar bahasa. 3. Dapat mantapkan lagi ilmu nahu dan dapat membetulkan konsep fahaman yg salah dalam diri sebelum ini. 4. Saya dapat beberapa ayat baharu. 5. Mencuba reka jumlah dalam bahasa Arab dan diperbetulkan dengan kalimah sahih. 6. Dapat aplikasi apa yang telah belajar dalam kelas. 7. Dapat perkataan baru & tambah baik teknik menterjemah ayat dan pnggunaan istilah terjemahan yang betul. 8. Dapat <i>mufradat</i> baru.

9. Berlatih dalam menterjemah ayat.
10. Dapat melatih ilmu *nahu* dan *sorof* semasa membuat ayat.
11. Dapat perkataan baru serta kemahiran membuat ayat yang lebih baik.
12. Mengasah ilmu *nahu* dan *sorof*.
13. Boleh ulang kaji balik pelajaran yang lepas.
14. Tambahkan ilmu dlm *irab nahu*.
15. Perbaiki dalam terjemahan ayat.
16. Saya dapat menterjemah ayat tersebut dengan sebenar-benar *tarkib* dari Arab, bukan memelayukan Arab.
17. Menambahkan perkataan baru.
18. Dapat mengingatkan ilmu yang sudah lupa.
19. Dapat *mufradat* baru utk dihafal.
20. Dapat memperbaiki kaedah dalam menterjemahkan ayat, dapat banyak perkataan baru.

	Ya (Bilangan responden)	Tidak (Bilangan responden)
Keselesaian pelajar berbincang dalam <i>WhatsApp</i> Group.	29	11
Motivasi pelajar menggunakan <i>WhatsApp</i> sebagai satu medium pembelajaran.	37	8

Kajian ini memberi ruang kepada pelajar untuk mengemukakan cadangan mereka terhadap keperluan tajuk nahu lain pada masa akan datang. Pelajar memilih untuk belajar semula mengenai *qawaid nahwiyah* asas dan ada juga menyarankan tajuk yang dirasa sukar seperti tajuk *tawabi'* dan *badal* dari *mansubaat*. Ada juga menyarankan agar pembelajaran akan datang memberi fokus kepada perkataan yang kerap digunakan dalam percakapan harian. Manakala bagi cadangan terhadap aplikasi sosial lain

dalam telefon pintar, mereka mencadangkan supaya diadakan pembelajaran melalui blog, kuiz secara *online* seperti *Kahoot IT* dan aplikasi mesej ringkas yang sama seperti *Telegram*.

Jadual 11: Aplikasi Lain yang dicadangkan oleh Pelajar untuk digunakan Masa Akan Datang.

CADANGAN PELAJAR	JAWAPAN RESPONDEN
Cadangan tajuk nahu.	<ol style="list-style-type: none">1. Asas <i>qawaid nahwiyah</i>.2. Perkataan atau bahasa yang perlu dalsm kehidupan harian kita.3. <i>Ikrab</i>.4. <i>Tawabi'</i>, <i>idhofat</i>.5. Bahagian <i>sifat</i> dan <i>sighah mubalaghah</i>.6. <i>Badal</i> dari <i>tawabi'</i>.7. <i>Mansubat</i>.8. <i>Basic nahu</i>.
Cadangan aplikasi berbentuk sosial dalam telefon.	<ol style="list-style-type: none">1. Adakan kuiz <i>online</i> seperti <i>KAHOOT IT</i>, dan lain-lain aplikasi.2. Blog, FB, dan lain-lain.3. Telegram.

7.0 CADANGAN

Hasil kajian juga mendapati pelajar lebih gemar dan bermotivasi untuk mempelajari tajuk nahu dengan bantuan aplikasi *WhatsApp* berbanding latihan dalam kuliah rasmi. Implikasi kajian juga menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif menjadi lebih meluas dengan telefon pintar di mana ia tidak berlaku di luar kuliah atau bilik tutorial sebelum ini. Antaranya adalah:

- a. Pembelajaran Mobile melalui aplikasi telefon pintar membolehkan pelajar berkongsi maklumat, menyelaraskan tugas-tugas mereka secara lebih luas dan berfungsi dengan lebih berkesan dalam situasi yang memerlukan kerjasama antara ahli (Saedah Siraj, 2003) selain dapat menjalinkan hubungan akademik dengan pensyarah mereka di luar kuliah rasmi. Justeru, tercetuslah pembelajaran kolaboratif antara pelajar dengan pelajar dan antara pensyarah dengan pelajar.

- b. Pendapat yang sama dinyatakan oleh Chabra dan Figueiredo (2002) serta Harris (2001) yang mengatakan Pembelajaran Mobile ialah akses kepada pembelajaran walaupun di mana pelajar itu berada dari segi masa atau tempat kerana lebih bebas dengan bantuan telefon pintar. Lehner, Nosekabel dan Lehmann (2001) berpandangan terdapat dua kekuatan dengan Pembelajaran Mobile ini iaitu "*anytime, anywhere learning and teaching while doing.*" (Saedah Siraj, 2003).
- c. Clarke (2001) berpendapat dengan M-Pembelajaran pelajar boleh mendapatkan nota kuliah dari jarak jauh, mengakses tugas di mana jua dan pada bila-bila masa, membuat perbincangan dalam waktu yang sesuai dengan pelajar lain, dapat menghubungi pensyarah, dan juga dapat mengakses bahan-bahan ilmiah, tugas dan penyelidikan melebihi had perpustakaan. Pembelajaran kini perlu lebih maju dengan mengikut aliran perdana dan teknologi semasa di mana tiada halangan untuk pelajar terbabit mengakses pembelajaran di luar bilik kuliah sama ada ketika sakit, tidak hadir kuliah atau sebab-sebab lain.
- d. Pehkonen dan Turunen (2004) dalam kajian kesnya mengenal pasti enam senario terhadap masa depan M-Pembelajaran, antaranya ialah satu penyelesaian yang kolaboratif terhadap pengendalian pengetahuan dan pembelajaran; dan aktiviti penilaian yang kolaboratif berasaskan bahan pembelajaran. Dua hasil ini berkait rapat dengan pembelajaran kolaboratif masa kini di mana kuliah boleh dikendalikan secara maya dengan menggunakan telefon dan keduanya beban guru menjadi ringan dengan mengadakan kuiz atau ujian berbentuk kolaboratif secara mudah, cepat dan efektif.

8.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pembelajaran kolaboratif melalui aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran nahu dapat memberi inspirasi dan motivasi yang tinggi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pensyarah dan pelajar boleh berkongsi maklumat dan informasi yang tepat dan cepat dan bukan hanya tertumpu di dewan kuliah semata-mata. Pelajar boleh mengakses maklumat serta merta meskipun ketiadaan pensyarah di dewan kuliah. Pembelajaran kolaboratif melalui aplikasi telefon pintar juga tiada sempadan dan kekangan sekiranya kedua-duanya tidak dapat hadir di dewan kuliah, sekaligus menjimatkan masa dan tenaga.

RUJUKAN

- Ahmad Taufiq Ma'mun. 2015. Efektivitas Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Media Social whatsapp di Program BISA (Belajar Islam & Bahasa Arab). Tesis Sarjana, Jurusan Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah & Keguruan Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga,
- Clarke, D. P. 2001. In order for technology to improve learning. it must fit into students' lives, not the other way around. Dimuat turun pada Jun 30, 2004, daripada <http://www.techtv.com/callforhelp/howto/jump!0.24331.3347882.00.html>
- Jaseem ali Jaseem. 1996. *Fi Turuq Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah Lil Ajanib*. Kuala Lumpur Malaysia: ES Nordin.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. 2012. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Universiti Kebangsaan Malaysia, 130-138.
- Muhammad A'tiyyah Al-Ibrasyi. 1993. *Ruh At-Tarbiyyah Wa At-Ta'lim*. Cairo Mesir: Dar Al-Fikr Al-Arabiyy.
- Muhammad Ali Al-Khauiliyy. 1986. *Asaliib Taadrisi Al-Lughah Al-Arabiyyah*. Riyadh: Saudi Arabia.
- Muhammad Samarah Abu U'jaimah. 1989. *Al-Lughah Al-Arabiyyah, Nizamuha, Wa Adabuha, Wa Qadhaya Mua'sirah*. Omman.
- Norliza A.Rahim. 2013. Penggunaan *Mobile Learning (M-Learning)* Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Normah Binti Husin. 2006. *Baht Takmili Li Nail Darajah Majistiir Fi At-Tarbiyyah: Assuu'baat Allati Tuwajihu At-Tulab Al-Mubtadiin Fi Taa'llumi Al-Lughah Al-Arabiyyah Fi Markaz Al-Lughaat Bi Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah Malizia 'inda Taa'llumihim Maharat Al-Kitabah*. Institut Pendidikan: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Pehkonen, M., & Turunen, H. 2004. *A case study on the future mobile work-based learning*. Kertas kerja MLEARN 04 • *Learning Anytime Everywhere International Conference, University of Finland, Tempere, Finland*.
- Saedah Siraj. 2003. Pembelajaran Mobile dalam Kurikulum Masa Depan. Jurnal Masalah Pendidikan Jilid 27 129.
- Wejdan Muhammad Soleh Kenali. 2000. *Tahlil Al-Akhta' Al-Kitabah Fi Isti'mal Huruf Jarr Li At-Talabah Al-Malayuwiyyun Fi Qism Al-Lughah Al-arabiyyah Wa Adabiha: Al- Jami'ah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah Malizia*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.